

Tuliskan **(B)** betul atau **(S)** salah pada pernyataan di bawah.

1. Kita mula mengenal huruf dan angka dan seterusnya belajar membaca, menulis dan mengira di sekolah. (_____)
2. Di kedai tempat murid-murid menimba ilmu. (_____)
3. Murid diajarkan mata pelajaran asas seperti ilmu silat, menari dan bertani. (_____)
4. Mata pelajaran asas yang diajarkan ialah seperti Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Sains. (_____)
5. Murid seharusnya menghargai dan menghormati tempat di mana mereka belajar. (_____)
6. Cara menghargai sekolah ialah dengan merosakkan harta benda di sekolah. (_____)
7. Menjaga kebersihan dan mematuhi peraturan sekolah adalah cara kita menghargai sekolah kita. (_____)
8. Ada pelbagai pertandingan antara sekolah-sekolah dipertandingkan seperti mari bercerita, pidato dan kuiz. (_____)
9. Murid-murid jangan menyertai segala kempen yang diadakan di sekolah seperti kempen kebersihan, kempen kesihatan, kempen anti dadah dan kempen anti merokok. (_____)
10. Murid-murid patut menyayangi sekolah dan guru-guru yang banyak berjasa membentuk sikap dan perkembangan intelek mereka. (_____)

Jawab **B** bagi pernyataan yang betul atau **S** bagi pernyataan yang salah.

1. Jiran ialah orang yang hidup dalam lingkungan jarak 40 buah rumah dari rumah kita dari setiap sudut. (_____)
2. Kita bertanggungjawab untuk menjaga hubungan yang baik sesama tetangga. (_____)
3. Cara untuk menjaga hubungan baik dengan jiran ialah dengan mengekalkan interaksi yang positif. (_____)
4. Kita hendaklah sentiasa berat mulut sesama jiran. (_____)
5. Sebagai jiran, kita mesti camah mata pada kesusahan jiran. (_____)
6. Panggilah jiran dengan panggilan yang sesuai. (_____)
7. Bagi mengekalkan kerukunan sesama jiran, kita mestilah mengamalkan sikap 'berawar galat'. (_____)
8. Awar galat bermaksud segan silu. (_____)
9. Etika berpakaian tidak perlu dijaga dalam hidup berjiran. (_____)
10. Pakaian biarlah longgar dan sopan. (_____)
11. Apabila kita ditimpa kesusahan, jiran adalah orang yang pertama akan membantu kita. (_____)
12. Panggilan yang sesuai digunakan kepada jiran ialah, hoi, eh dan boy. (_____)
13. Hidup berjiran perlu ada permuafakatan. (_____)
14. Jika ada jiran yang sakit, sikap tolak ansur perlu ada seperti tidak memasang radio terlalu nyaring. (_____)
15. Jika jiran mengadakan majlis, kita bolehlah menghulurkan bantuan berupa tenaga atau makanan. (_____)